

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1/2007

PENGGUNAAN INSTRUMEN PINDAHMILIK BORANG 14A (SEKSYEN 215, 217 DAN SEKSYEN 218 KANUN TANAH NEGARA 1965)

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan menggunakan instrumen di atas Borang 14A boleh disempurnakan sebagaimana lazim.

2. Pemakaian perkataan "**saya**" di awal perenggan pertama Borang 14A tidak harus dipertikaikan kerana hak penolakan atau kuasa memindahmilik adalah merujuk kepada orang / individu atau badan yang memegang bahagian yang didaftarkan dalam satu-satu hakmilik yang dipegang secara bersama (Seksyen 92(1), Seksyen 343(1)(b). Maksud penggunaan perkataan "**saya**" lebih jelas lagi bila dirujuk kepada Seksyen 4(3) (Interpretation Acts 1948 dan 1967 (Act 388)).

3. Pemakaian perkataan "**kami**" di perenggan akhir Borang 14A tidak harus mengelirukan pengguna perkataan "**saya**" tersebut kerana perkataan "**kami**" merujuk kepada hak penolakan / memindah kepada lebih dari seorang atau badan dan mereka pula bersetuju memiliki tanah tersebut secara bersama. Persetujuan bersama perlu menggunakan perkataan "**kami**" kerana persetujuan tidak tercapai dengan satu pihak sahaja bersetuju.

4. Dengan itu penggunaan instrumen di atas satu Borang 14A untuk tujuan pindahmilik oleh pemilik-pemilik bersama bagi satu-satu hakmilik tidak menimbulkan sebarang masalah dan boleh diterima untuk tujuan pendaftaran pindahmilik hakmilik.

5. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah hendaklah mematuhi arahan ini iaitu **membenarkan** penggunaan instrumen di atas satu Borang 14A oleh pemilik-pemilik bersama yang berhasrat berbuat demikian untuk tujuan pindahmilik bahagian masing-masing.

6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Dato' Hj. Mohd. Jamil bin Muhamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, (Perumahan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

Bertarikh : 14 Januari 2007